

Tambah institusi TVET jika permintaan tinggi

Oleh Noorazura Abdul Rahman - Mac 20, 2022 @ 3:39pm
bhnews@bh.com.my



Awang (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada Ikon TVET, Ahmad Azmil Hussin (kanan) pada Program Jom Masuk TVET@KSM di Dewan Cenderawasih, Pendang sambil diperhatikan Shakib. NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR

PENDANG: Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersedia membuat permohonan bagi menambah institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vakasional (TVET) jika berlaku limpahan permintaan daripada pelajar.

Timbalan Menterinya, Datuk Awang Hashim, berkata pihaknya tidak pernah mengehadkan jumlah pengambilan setiap tahun untuk pelajar mengikuti kursus berkenaan bagi memenuhi permintaan tenaga kerja mahir.

"Kita ada banyak institusi TVET di seluruh negara, sekarang orang muda mempunyai peluang besar untuk masa depan mereka bagi memenuhi peluang pekerjaan kerana negara sedang menuju Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)."

"Negara memerlukan 60 peratus pekerja berkemahiran selepas ini, jadi kita akan mohon kepada kerajaan untuk menambah institusi TVET jika berlaku limpahan permintaan selepas ini," katanya selepas merasmikan Program Jom Masuk **TVET@KSM** di Dewan Cenderawasih di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia (JTM) , Shakib Ahmad Shakir.

Awang yang juga Penggerusi Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan, berkata pada masa ini, JTM adalah pelaksana latihan dengan menyediakan 32 institusi latihan di seluruh negara.

Katanya, daripada jumlah itu, 23 adalah Institusi Latihan Perindustrian (ILP), lapan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan sebuah Japan Malaysia Teknikal Institut (JMTI).

"Sistem latihan TVET menawarkan kursus kepada pelajar secara teori 30 peratus dan amali 70 peratus.

"Aliran TVET signifikan dan mempunyai impak besar sebagai 'game changer' dan ejen perubahan dalam peningkatan daya saing, kualiti tenaga kerja serta pembangunan ekonomi negara," katanya.